

ANALISIS GAYA BAHASA DALAM PUISI-PUISI SEENI NAINA MOHAMED BERDASARKAN TEORI GAYA BAHASA GORYS KERAF

Puvaneswary Batumalai,
Manonmani Devi M.A.R Annamalai,

ABSTRAK

Kajian ini berfokus kepada pengaplikasian unsur-unsur gaya bahasa mengikut tahun dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf. Gaya bahasa adalah satu bahagian yang sangat penting kepada sesebuah karya kesusasteraan. Dalam bidang puisi nilai estetika adalah unsur-unsur gaya bahasa yang diaplikasikan untuk meluahkan pemikiran, kemahiran, perasaan dan individualisme yang ingin disampaikan oleh penyair kepada pembaca dengan mudah dan tepat. Sebanyak 55 puisi telah digunakan dalam kajian ini. Puisi-puisi ini dipilih daripada koleksi puisi Seeni Naina Mohamed yang diterbitkan di antara tahun 1960an hingga tahun 1980an. Puisi-puisi yang dipilih berdasarkan 11 tema iaitu alam semesta, kebudayaan (bahasa, bangsa dan kesedaran), sosio-ekonomi dan sebagainya. Bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji memilih koleksi puisi yang di hasil mulai tahun 1960an hingga 1980an sahaja. Pengkaji mengaplikasikan kaedah perpustakaan dan kaedah analisis teks dalam kajian ini. Data dianalisis secara kualitatif dan disampaikan secara deskriptif. Pengkaji menggunakan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf untuk meneruskan kajian ini secara sistematik dan lancar.

Kata Kunci: Gaya Bahasa, Puisi Seeni Naina Mohamed, Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf

PENGENALAN

Puisi merupakan satu bentuk sastera yang paling tertua di dunia. Pada pendapat pengkaji, puisi ini mungkin wujud untuk meluahkan perasaan dan fikiran dalam gaya individualisme untuk menghantar mesej kepada pihak berkenaan.

Dari segi kesusasteraan Tamil, puisi merupakan sastera yang penuh abstrak dan unggul dengan gaya bahasa yang indah dan istimewa sejak zaman *sangam kalam* (Zaman permulaan perkembangan kesusasteraan klasik Tamil di India). Zaman yang mula mengembangkan puisi klasik Tamil mula sebelum tahun Masihi. Pada pendapat Varadarasan.Mu, (1972) menyatakan bahawa boleh menganggarkan puisi klasik Tamil merupakan karya sastera yang paling awal wujud dan berkembang dan ia berusia 2500 tahun. Mulai zaman *sangam kalam*, kesemua jenis hasil kesusasteraan klasik Tamil yang diwujudkan adalah dalam bentuk puisi klasik. Hasil karya sastera klasik Bahasa Tamil dalam bentuk puisi klasik Tamil hampir-hampir bergabung dengan semua bidang termasuk budaya, bahasa, astrologi, perubahan tradisional, nilai-nilai moral dan epik-epik sastera. Pada zaman pra *sangam* dan zaman pasca *sangam*, kesemua kesusasteraan klasik Tamil yang dihasilkan dalam bentuk puisi klasik sahaja dianggap sebagai karya kesusasteraan.

Dari segi Sastera Tamil Malaysia, perkembangan sastera puisi Tamil adalah genre tertua yang penuh abstrak dan unggul. Kesusasteraan Puisi Tamil Malaysia merupakan unggul kerana iaitu dianggap sebagai sastera yang dapat menonjolkan kehidupan masyarakat dengan betul dan jelas sambil menunjukkan keindahan bahasa yang gaya dan cantik. Ia juga menjadi panduan, inspirasi dan teladan kepada generasi penyair muda. Secara umumnya perkembangan Sastera Puisi Tamil Malaysia wujud dalam tiga cara iaitu :

- i. Perkembangan puisi dalam bentuk bahasa lisan
- ii. Perkembangan puisi melalui majalah dan akhbar
- iii. Perkembangan puisi melalui penulisan dan penerbitan antologi.

Penerbitan dan penghasilan koleksi-koleksi puisi yang berjudul *vannai anthathi*, *vannai nakar unjal*, *singgai nakar anthathi*, dan *chithirah kavithaigal* oleh Sathasivam Pandithar pada tahun 1887, membuka dan memula lembaran gemilang dan cemerlang dalam penghasilan dan penerbitan sastera antologi puisi Tamil di Tanah Melayu. Sambungan daripada penerbitan sastera antologi ini, penyair-penyair Tamil tempatan menerima inspirasi, pandangan baru dan mewujudkan antologi secara kumpulan dan individu dengan lebih baik. Maka, perkembangan global sastera puisi menjadi pesat menuju ke arah kecemerlangan dan kegemilangan. Secara umumnya, perkembangan pesat sastera Puisi Tamil Malaysia boleh dikategorikan kepada sepuluh tahap mengikut tempoh tahun karya antologi puisi dihasilkan. Penghasilan sastera antologi puisi dalam tempoh tahun ini memaparkan tema-tema yang berbeza mengikut zaman dan persekitaran penyair. Ini menerangkan tema puisi berubah seiring dengan peredaran zaman dan persekitaran. Melalui penyelidikan rintis, dapat memahami bahawa perkembangan sastera puisi Tamil dalam sembilan peringkat ini menjelaskan satu cara pemikiran yang berlainan dalam kalangan penyair di Malaysia. Tetapi, penyair ini menggunakan segala teknik-teknik ini dalam karya puisi tradisionalnya pada masa yang sama menggunakan gaya bahasa yang indah sekali. Nama beliau ialah Seeni Naina Mohammad.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan gaya bahasa dalam puisi klasik diberikan penekanan dan menjadi asas kepada kelahiran puisi yang sempurna. Gaya bahasa adalah satu kemestian dalam karya kesusasteraan. Ini bererti, unsur-unsur gaya bahasa puisi klasik harus digunakan oleh

penyair Seeni Naina Mohamed untuk menyampaikan perasaan dan fikiran dalam bentuk yang mudah dan mendalam kepada pembaca. Sebuah puisi yang sempurna dengan penggunaan gaya bahasa yang tepat, bernas dan penuh kehalusan, mudah dihayati oleh pembaca.

Di Tanah Melayu bagi antara tahun 1955 hingga 1980 membawa satu dimensi baru dalam gaya pemikiran penyair tempatan. Penyair tempatan mula menghasilkan puisi-puisi yang boleh memurnikan kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, pada dasarnya kebanyakan unsur gaya bahasa masih lagi tidak tercermin dalam puisi-puisi pada peringkat ini. Kesengsaraan semasa pentadbiran baru telah menyekat penyair daripada meluahkan perasaan mereka dengan gaya bahasa yang indah dalam puisi mereka, (Murasu Nedumaran, 1988). Pengkaji memilih koleksi puisi penyair Seeni Naina Mohamed untuk memastikan sejauhmanakah pernyataan atas tersebut benar dan koleksi puisi Seeni Naina Mohamed menunjukkan perbezaan dari segi unsur-unsur gaya bahasa mulai tahun 1960 hingga tahun 1980. Pengkaji akan mengkaji masalah ini dengan mengaplikasikan Teori Stilistik J.J Gorys Keraf.

Manakala Menurut Jayaraman.N.V.(1988), masa selepas kemerdekaan adalah permulaan sangat penting dalam kewujudan sastera puisi Tamil Malaysia – (Seminar Sastera Puisi Tamil Malaysia - 2018). Mengikut beliau, tahun 1960–1970, merupakan zaman di mana negara mengalami era perubahan dan pembangunan selepas merdeka. Justeru itu, puisi-puisi klasik Seeni Naina Mohamed juga turut melambangkan perubahan ini. Sebab, beliau bermula penulisannya mulai tahun 1956 sehingga 2014. Kepelbagaian tema memberi peluang kepada penyair Seeni Naina Mohamed menggunakan gaya bahasa dengan luas dalam karya hasil beliau. Pada zaman ini dapat diperlihatkan beraneka jenis corak dalam penggunaan gaya bahasa dalam Puisi klasik Seeni Naina Mohamed. Pengkaji berniat untuk mengkaji sejauhmanakah beliau menghadapi cabaran perubahan era zaman dan pembangunan selepas merdeka. Dan juga, pengkaji ingin membawa luar dan menunjukkan kemahiran penyair Seeni Naina Mohamed dari segi gaya bahasa dalam era perubahan dan pembangunan selepas merdeka.

Kewujudan sastera puisi Tamil di negara India adalah zaman kesinaran dalam kewujudan sastera Puisi Tamil dunia. Penyair seperti Bharathiyar dan Bharathidasan timbul dan mula menulis karya puisi-puisi dalam pelbagai-bagai tajuk dan tema. Angkatan penyair negara India telah memilih semangat perpaduan antara kaum, kepentingan memartabatkan adat, budaya dan bangsa, penghayatan terhadap alam semesta dan pergolakan dalam sosio ekonomi masyarakat sebagai tema dalam puisi mereka. Dan juga, penyair-penyair India adalah sangat hebat bagi melahirkan puisi- puisi yang kaya dengan variasi berbeza dalam penggunaan gaya bahasa termasuk diksi, metafora, simile, individualisme, perlambangan dan personifikasi, Kavitha Subramaniam, (2010). Pengkaji memilih masalah ini kerana sejauh manakah dengan perkembangan yang pesat ini, penyair tempatan iaitu penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur-unsur gaya bahasa yang hebat dan persamaan dengan penyair negara India dalam penulisannya. Akhir kata pengkaji memilih masalah ini untuk memastikan sejauh manakah pernyataan yang diberi oleh pengkaji tersebut benar dan juga penyair-penyair tempatan seperti Seeni Naina Mohamed meluahkan kemahiran-kemahiran dari segi gaya bahasa.

Kajian-kajian sebelum ini tidak memfokuskan kepada gaya bahasa bersifat global yang terdapat di dalam puisi-puisi ‘*Theenkudu*’ Seeni Naina Mohamed. Hal tersebut pada pandangan pengkaji merupakan satu elemen penting yang perlu diteroka dan dikaji mengikut unsur-unsur gaya bahasa untuk tetapan khalayak. Penyair Seeni Naina Mohamed merupakan insan yang sentiasa berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang gaya bahasanya. Hal ini dibuktikan dengan pendapat Mahsuri S.N (1998) iaitu “... hasil penulisan penulis banyak bergantung kepada persekitarannya, di mana dia lahir, pengalaman, pendidikan dan kehidupan yang dialami dan penghayatan hidupnya.”

Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa gaya bahasa merupakan komponen penting untuk menyatakan fikiran dan meluahkan perasaan penyair dalam puisi-puisinya. Penyair Seeni Naina Mohamed menggunakan unsur-unsur seperti diksi, metafora, simile, personifikasi dan simbol secara luas untuk menyampaikan tema puisi beliau kepada pembaca dengan mudah. Perubahan sosio-budaya serta perkembangan politik di tanah air mempelbagaikan tema pilihan penyair Seeni Naina Mohamed serta penggunaan unsur-unsur gaya bahasa dalam pelbagai variasi dalam hasil nukilan beliau.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti unsur-unsur gaya bahasa yang diterapkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.
- ii. Menganalisis aspek keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.
- iii. Membincangkan maksud tersirat dan tersurat yang dicerminkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed melalui mengaplikasi gaya bahasa berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah jenis unsur-unsur gaya bahasa yang diterapkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed ?
2. Sejauh manakah puisi-puisi Seeni Naina Mohamed dapat mencerminkan aspek keindahan berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf?
3. Sejauh manakah maksud tersirat dan tersurat dicerminkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed melalui mengaplikasi gaya bahasa berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf?

TINJAUAN LEPAS


Kajian pertama yang berkaitan dengan teori yang dipilih oleh pengkaji adalah *Bahasa Sindiran Dalam Ujaran Video Blog*. Kajian dihasil oleh pengkaji Siti Norsyahida Binti Mohd A Rashid pada tahun 2016. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran Mat Luthfi. Bahasa sindiran merupakan satu bentuk kata yang mempunyai makna yang tersirat. Makna yang tersirat ini menyukarkan penginterpretasian makna sesuatu ujaran (Mustafa Atan, 2010). Dalam kajian ini, penyelidik menyenaraikan tiga objektif, iaitu mengenal pasti kekerapan jenis bahasa sindiran, menghuraikan penggunaan paralinguistik dari segi penyampaian bahasa sindiran dan untuk menganalisis makna tersirat dari aspek pragmatik dalam ujaran Vlog Mat Luthfi. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kualitatif bagi menghuraikan makna tersirat dalam penggunaan bahasa sindiran. Kerangka Teori dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan Kerangka Keraf (2007).

Seterusnya, pengkaji memilih kajian yang berkaitan dengan teori gaya bahasa Gorys Keraf yang bertajuk *Jurnal Penelitian Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Pada Iklan Produk Kecantikan Perawatan Kulit Wajah di Televisi*. Kajian ini ditulis oleh seorang pengkaji yang bernama Kusumawati pada tahun 2019. Berdasarkan analisis dan pembahasan yang telah dilakukan, dapat diperoleh beberapa simpulan, kaitannya dengan pemakaian gaya bahasa pada iklan produk kecantikan perawatan kulit wajah di televisi dan tanggapan masyarakat terhadap pemakaian bahasa pada tayangan iklan produk kecantikan perawatan kulit wajah di televisi. Sebuah penelitian pasti memiliki tujuan yang ingin dicapai melalui penelitian tersebut. Tujuan yang hendak dicapai dalam penelitian ini adalah: 1. mendeskripsikan pemakaian gaya bahasa dalam iklan produk kecantikan perawatan kulit wajah di televisi; 2. mengetahui tanggapan masyarakat terhadap bahasa yang digunakan pada tayangan iklan produk kecantikan perawatan kulit wajah di televisi. Pemakaian gaya bahasa yang digunakan dalam iklan produk kecantikan perawatan kulit wajah di televisi meliputi gaya bahasa: a) personifikasi; b) pertanyaan retorik; c) mesodiplosis; d) anafora; e) klimaks; f) koreksio; g) aliterasi; h) asindenton; i) epistrofa; j) antiklimaks; k) repetisi; l) asonansi; m) anadiplosis; dan n) erotesis. Gaya bahasa yang paling banyak digunakan dalam penayangan iklan tersebut adalah gaya bahasa anafora. Anafora adalah repetisi yang berwujud perulangan kata pertama pada tiap baris atau kalimat berikutnya. Penggunaan gaya bahasa anafora bermaksud menekankan atas produk yang ditawarkan sehingga dapat memudahkan masyarakat untuk mengingatnya, hingga akhirnya membeli produk tersebut.

Kajian seterusnya merupakan yang bertajuk *Kajian Stilistikanovel Padusi Karya Ka' bati* ditulis oleh Daratullaila Nasri pada tahun 2017. Penelitian ini bertujuan mengungkapkan kekhasan gaya bahasa pengarang dalam novel Padusi karya Ka' bati. Masalah penelitian adalah apa gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam mengungkapkan ide-ide dan pemikirannya tentang kehidupan TKI di luar negeri. Oleh karena itu, pendekatan yang digunakan adalah stilistika. Stilistik dalam hal ini hanya melihat aspek kebahasaan dan tidak menyentuh ranah isi. Aspek kebahasaan itu dipaparkan dengan konsep dikemukakan oleh Gorys Keraf. Metode yang digunakan dalam penelitian ini adalah metode kualitatif. Dari hasil penelitian itu dapat disimpulkan beberapa gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang. Gaya bahasa tersebut berdasarkan struktur kalimat dan langsung tidaknya makna. Gaya bahasa berdasarkan struktur kalimat dominan ditemukan gaya bahasa klimaks. Gaya bahasa berdasarkan langsung tidaknya makna terbagi atas dua retorik dan kiasan. Pada retorik, gaya bahasa yang dominan ditemukan, iaitu gaya bahasa eufemisme, paradoks, tautologi. Pada kiasan, gaya bahasa yang dominan ditemukan gaya bahasa metafora, simile, dan ironi. Masing-masing gaya bahasa tersebut memiliki fungsi yang berbedak-bedak. Fungsi-fungsi tersebut mengungkapkan potret TKI di di luar negeri.

KERANGKA TEORI

Kerangka kajian yang dirangka oleh pengkaji berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf (1981) seperti ditunjukkan. Teori ini diaplikasikan sebagai model utama untuk mencapai tiga-tiga objektif kajian yang ditentukan oleh pengkaji. Selanjutnya, dua reka bentuk kajian iaitu reka bentuk kualitatif dan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf (1981) turut diaplikasikan untuk menganalisis subjek-subjek kajian yang telah difokus dan dipilih. Kumpul dan analisis data kajian dan juga cara menentu dapatan kajian turut didalami dalam kerangka kajian ini.



ANALISIS

Gaya atau khususnya gaya bahasa dikenal dalam retorika dengan istilah *style*. kata *style* diturunkan dari kata Latin *stilus*, yaitu semacam alat untuk menulis pada lumpangan lilin. *Gaya* bahasa berdasarkan maksud, diukur dari langsung tidaknya maksud, iaitu apakah kata atau perkataan acuan yang boleh diganti untuk masih mempertahankan maksud asal atau boleh mengindahkan lagi persembahannya. Apabila kata acuan yang digunakan itu masih mempertahankan maksud dasar, maka bahasa itu masih bersifat polos. Tetapi bila sudah ada perubahan maksud, entah berupa maksud konotasi atau sudah di jauh dari maksud denotatifnya, maka kata ganti atau kata acuan itu dianggap sudah memiliki gaya sebagai yang dimaksudkan di sini.

Persoalan Kajian 1

Apakah jenis unsur-unsur gaya bahasa yang diterapkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed?

a. Aliterasi (மொனை)

Aliterasi merupakan unsur gaya bahasa pertama terdapat dalam Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf gaya yang mewujudkan berulang-ulangi bunyi konsonan yang sama. Biasanya, dipergunakan dalam puisi, pantun atau sajak untuk mengiaskan atau menarik perhatian pembaca. Oleh kerana pengkaji memilih puisi Bahasa Tamil, pengkaji terpaksa mengikut formula tatabahasa Bahasa Tamil juga. Bagi tatabahasa Bahasa Tamil dengan bunyi huruf konsonan, bunyi huruf konsonan 'sa' sama dengan 'tha', bunyi huruf konsonan 'ma' sama dengan 'va' dan bunyi huruf konsonan 'na' sama dengan 'nya'. Unsur gaya bahasa ini adalah unsur yang pertama dalam Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf. Ada juga unsur gaya bahasa ini digunakan oleh penyair Seeni Naina Mohamed dalam setiap puisinya diantara tahun 1960an hingga 1980an. Oleh kerana itu, pengkaji memberi tiga puisi sebagai contoh di bawah.

Malayin Sirapu - 1962 (contoh 1)

Bahasa Tamil	:	கடலும் கதிரவனும் கூடியதால் தோன்றி பெய்யுமிடம் எல்லாம் பெருகிடும் இன்பம் கழனியிற் பெய்து கதிர்களை வளர்த்தே
Transliterasi	:	Kaṭalum katiravaṇum kūṭiyatāl tōṇṇi peyyumiṭam ellām perukiṭum inṇam kaḷaniyir peytu katirkaḷai vaḷarttē
Terjemahan	:	ketika laut dan mentari bersua terlahir hujan membentang kebahagiaan mengenangi bendang menyuburkan benih padi.

Dalam puisi ini (Lampiran 1), penyair membandingkan alam sekitar dengan kelakuan manusia melalui kejadian hujan. Dalam puisi ini, pengulangan bunyi konsonan ka pada permulaan perkataan kelihatan nyata. Dalam baris pertama dan ketiga, perkataan bunyi huruf konsonan 'ka' mengulang dua kali dan juga dalam baris ke-2, bunyi huruf konsonan 'pe' mengulang dua kali. Gaya bahasa pengulangan bunyi ini meningkatkan estetika dalam larik-larik puisi ini. Konsonan 'ka' melembutkan bunyi huruf-huruf tersebut bersesuaian dengan unsur alam dan pendirian penyair yang bersyukur terhadap hujan yang membantu petani dalam pencarian rezeki. Bunyi 'ka' memberi irama lembut yang mencerminkan perasaan dan pemikiran penyair dalam rangkap yang diperturunkan itu. Ini membuktikan penyair Seeni Naina Mohamed ada mengaplikasikan unsur gaya bahasa aliterasi seperti dinyatakan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf untuk meningkatkan kemanisan irama puisinya.

b. Asonansi (உயிர் மொனை)

Asonansi merupakan unsur gaya bahasa yang ke-2 dalam Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf. *Asonansi* adalah sebagai gaya bahasa yang berwujud perulangan bunyi vokal yang sama. Biasanya dipergunakan dalam puisi, kadang-kadang juga dalam prosa untuk memperoleh efek penekanan atau sekadar keindahan. Dari segi tatabahasa Bahasa Tamil, unsur gaya bahasa asonansi boleh bahagikan kepada 3 kumpulan. Yang pertama adalah bunyi vokal 'a', 'a:', 'ai' dan 'au' merupakan kumpulan vokal bunyi yang sama. Yang kedua adalah 'i', 'ii', 'eh' dan 'eeh' merupakan kumpulan vokal bunyi yang sama. Yang ketiga adalah 'u', 'u:', 'o' dan 'o:' merupakan kumpulan vokal bunyi yang sama. Dari segi asonansi, pengkaji telah mengkaji dengan menggunakan tiga kaedah yang dinyatakan atas. Unsur gaya bahasa ini terdapat dalam 41 puisi daripada 55 puisi yang dibentuk antara tahun 1960an sehingga 1980an penyair Seeni Naina Mohamed. Oleh kerana banyak bilangan itu, pengkaji memberi tiga puisi sahaja sebagai contoh di berikut.

Koddathai Adakuven! - 1974 (contoh 1)

Bahasa Tamil	:	எந்தநாள் என்சொல் ஏற்பாய் என்னதான் விலையாய்க் கேட்பாய் ஓர்மெய்யில் இருந்தேன் இன்றோ ஒருகோடிப் பொய்யில் வீழ்ந்தேன்.
Transliterasi	:	Entanāl eṇcol ērpāy eṇṇatāṇ vilaiyāyk kēṭpāy ōrmeyyil iruntēṇ inṇrō

orukōṭip poyyil vīṅṭēṅ.

Terjemahan : Hati dan pemikiran penyair enggan bersetuju dengan pendapat sendirinya terhadap kesahihan.

Dalam puisi diberi atas (lampiran 2), penyair membentuk puisi ini sebagai meluahkan situasinya diri sendiri. Beliau menyatakan bahawa hati dan pemikiran penyair menafikan untuk menyetujui dengan pendapat sendirinya. Penyair mengaplikasikan tiga jenis unsur gaya bahasa asonansi dalam puisi terpilih ini. Yang pertama adalah huruf bunyi vokal 'e'. Huruf vokal 'e' ini empat kali mengulangi dalam dua barisan itu. Dari segi tatabahasa Bahasa Tamil, biasanya huruf bunyi vokal 'e' ini digunakan untuk bertanya soalan. Penyair juga menggunakan huruf bunyi vokal ini sebagai kaedah menyoal untuk meluahkan perasaan yang wujud dalam hatinya melalui perkataan *entha* dan *enna*. Yang kedua merupakan huruf bunyi vokal 'o' dengan 'o'. Penyair menggunakan huruf bunyi vokal 'o' juga dalam puisi yang sama ini. Biasanya dari segi tatabahasa Bahasa Tamil, huruf vokal ini digunakan untuk memberitahu bilangan peralatan. Penyair juga menggunakan bunyi vokal ini untuk memberitahu bilangan juga dengan menggunakan perkataan seperti *oormeyyil* dan *orukodi*. Yang ketiga adalah huruf bunyi vokal 'i'. Dari segi tatabahasa Bahasa Tamil vokal 'i' digunakan untuk menunjukkan atau memfokuskan sesuatu benda, hari, tempat atau masa dengan tertentu. Penyair juga mengaplikasikan huruf vokal ini untuk menyatakan hari dan keadaan beliau melalui perkataan *irunthen* dan *indru*. Dengan ketiga-tiga contoh, pengkaji dapat mengetahui penyair Seeni Naina Mohamed menggunakan unsur gaya bahasa asonansi dengan sesuai untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat pembaca. Ini membuktikan penyair Seeni Naina Mohamed ada mengaplikasikan unsur gaya bahasa asonansi seperti dinyatakan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.

c. Anastrof (செய்ப்பாட்டுவினை)

Anastrof adalah unsur gaya bahasa yang ke-3 dalam Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf. Anastrof atau inversi merupakan sejenis unsur gaya bahasa retorik yang mengandungi sifat pembalikan susunan kata yang biasa dalam ayat atau rangkap (Keraf, 2010: 130). Inversi adalah gaya bahasa yang merupakan perubahan urutan dari segi unsur-unsur atau pemutaran konstruksi sintaksis (Ducrot dan Todorov dalam Tarigan, 2009: 85). Berdasarkan pendapat-pendapat ahli pakar di atas, maka terdapat dinilai bahawa unsur gaya bahasa anastrof atau inversi merupakan sejenis gaya bahasa retorik yang memutarakan ayat atau menyongsangkan urutan unsur-unsur konstruksi sintaksis. Apabila dalam bentuk inversi predikat suatu ayat atau baris dinyatakan terlebih dahulu sebelum dinyatakan subjek tersebut. Penyair mengaplikasikan unsur ini dalam setiap puisinya. Oleh kerana yang munasabah itu, pengkaji memilih dan memberi tiga puisi sahaja sebagai contoh bagi unsur gaya Bahasa anastrof.

En kathali - 1966 (contoh 1)

Bahasa Tamil : கன்னியரின் மேலழகைக்
கண்டுருகும் காளையரே,
சின்னஇடை அன்னநடை
செவ்விதழ்கள் என்றெல்லாம்
கன்னியரைப் போற்றுகின்ற
காதலரே, பாவலரே
என்னினிய காதலியை
யாரென் றறிவீரோ?

Taransliterasi : Kaṇṇiyariṅ mēlaḷakaik
kaṇṭurukum kālaiyarē,
ciṇṇa'itai aṇṇanatai
cevvitalkal eṇṇellām
kaṇṇiyaraip pōrṟukinṟa
kāṭalarē, pāvalarē
eṇṇiṇiya kāṭaliyai
yāreṇ ṟarivīrō?

Terjemahan : Penyair personifikasikan Bahasa Tamil sebagai gadis idamannya.

Dalam puisi yang diberi atas (lampiran 3), penyair bersoal bahawa 'adakah anda tahu siapakah wanita kecintaan saya?' terhadap teman lelaki muda yang berani dan sentiasa gemar menyindir kecantikan wanita. Penyair mengaplikasikan unsur anastrof ini melalui menggunakan perkataan pembalikan dalam puisinya. Contohnya, subjek terdiri frasa nama perlu terletak di hadapan ayat, manakala predikat terdiri daripada frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama terletak di belakang atau akhir ayat. Tetapi penyair menggunakan pembalikan perkataannya melalui terletak subjeknya belakang ayat, manakala predikat terletak di hadapan ayat. Unsur gaya bahasa yang diaplikasikan oleh penyair akan menarik perhatian pembaca dengan efektifnya. Kerana ia mencerminkan sesuatu perasaan sindiran berbeza. Situasi yang dipilih untuk membentuk rangkap puisi ini menarik perhatian remaja muda dengan senangnya. Sebab irama perkataan subjek *kaalayare* menimbulkan rasa kebanggaan terhadap remaja. Ia dapat berbunyi sebagai panggilan sifat kebanggaan. Dan juga ia mencerminkan sifatnya lagi tinggi daripada digunakannya sebagai subjek. Oleh kerana itu, penyair menggunakan unsur gaya bahasa ini untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat

kegemarannya. Ini membuktikan penyair Seeni Naina Mohamed ada mengaplikasikan unsur gaya bahasa anastrof seperti dinyatakan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.

Persoalan Kajian 2

Sejauh manakah puisi-puisi Seeni Naina Mohamed dapat mencerminkan aspek keindahan berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf?

a. Aliterasi

Aliterasi merupakan sejenis gaya bahasa yang akan berulang-ulang bunyi konsonan yang sama. Biasanya, diaplikasikan dalam pantun, puisi, syair dan lagu bagi kemerduan bunyi. Seperti itu juga, penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur gaya bahasa pertama ini dalam semua puisinya untuk memberi kemerduan pada karya puisinya. Melalui pengaplikasian unsur gaya bahasa ini dapat menarik ramai pembaca dan juga membantu pembaca untuk menghafal dengan senang. Manakala mengikut penerangan teori gaya bahasa Gorys Keraf pula, dapat juga persamaan dengan pendapat penyair Seeni Naina Mohamed. Mengikut Gorys Keraf, aliterasi adalah gaya bahasa yang mengandungi bunyi konsonan sama dan berulang-ulang dalam sesuatu prosa untuk memberi perhiasan dan penekanan pada sesuatu karya tersebut. Penyair Seeni Naina Mohamed juga menggunakan teknik tersebut bagi penekanan kepada isi-isi penting dalam puisinya. Sebagai contoh,

Kathiraadchi Vaalga- 1974

Bahasa Tamil	:	கடலணங்கின் புனல்மடியில் கன்னம் சாய்த்துக் கண்ணயர்ந்த கதிர்வேந்தன் துயில்க லைந்தான் தடம்நினைந்தும் தடம்விழுந்த இடம்நினைந்தும் தனக்குள்ளே சிரித்திருந்த தண்ணம் பெண்ணாள் சுடரவனைப் பிரிக்கின்ற காலை நேரம் தொடங்குதெனும் துயரத்தால் இதயம் சோர்ந்தாள்
Transliterasi	:	Kaṭalaṅkaṅkiṅ puṇalmaḍiyil kaṅṅam cāyttuk kaṅṅayarnta katirvēntaṅ tuyilka laintāṅ taṭamniṅaintum taṭamviḷunta itamni ṅaintum taṅakkuḷḷē cirittirunta taṅṅam peṅṅāḷ cuṭaravaṅaip pirikkiṅṅa kālai nēram toṭaṅkuteṅum tuyarattāḷ itayam cōrntāḷ
Terjemahan	:	Laut mula merasa rindu apabila mantari berpisah pada pagi untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap setiap insan dunia.

dalam puisi tersebut beliau mengaplikasikan huruf 'k' untuk memberi penekanan kepada perkataan-perkataan berkaitan alam sekitar juga keamanan. Manakala beliau mengaplikasikan huruf 't' untuk memberi penekanan kepada perkataan-perkataan kesedihan dan motivasi. Seperti inilah, penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur gaya bahasa aliterasi ini dengan mengikut pendapat teori gaya bahasa Gorys Keraf.

b. Asonansi

Mengikut teori gaya bahasa Gorys Keraf, asonansi merupakan sejenis gaya yang timbul berulang-ulang bunyi huruf vokal yang sama dalam satu barisan atau rangkap. Beliau mengatakan lagi biasanya unsur gaya bahasa ini diaplikasikan dalam puisi, pantun, syair, lagu dan sebagainya. Sebagai membuktikan teori gaya bahasa Gorys Keraf penyair Seeni Naina Mohamed juga ada mengaplikasikan unsur gaya bahasa asonansi dalam setiap puisinya. Daripada 55 puisi yang terpilih mengikut tahun antara 1960an sehingga 1980an terdapat 46 puisi sahaja mengandungi unsur gaya bahasa asonansi ini. Contohnya.

Puriyavillai - 1970

Bahasa Tamil	:	என்ன நினைத்து படைத்தானோ! – என்னை என்று என்னை முடிப்பானோ! என்னை உணரப் புரிவானோ! இல்லை இன்னும் வதைப்பானோ!
Transliterasi	:	Enṅa niṅaittu paṭaittāṅō! – Enṅai eṅṅu eṅṅai muṭippāṅō! Enṅai uṅarap purivāṅō! Illai iṅṅum vataippāṅō!

Terjemahan : Penyair bersoal terhadap tuhan tentang Kelahirannya.

Puisi ini dibentuk atas bertema motif kelahiran dan masa meninggal bumi ini oleh penyair Seeni Naina Mohamed dengan menggunakan gaya bersoal kepada tuhan. Penyair mengaplikasikan tiga jenis unsur gaya bahasa asonansi dalam puisi terpilih ini. Yang pertama adalah huruf bunyi vokal 'e'. Huruf vokal 'e' ini lima kali mengulangi dalam tiga barisan itu. Dari segi tatabahasa Bahasa Tamil, biasanya huruf bunyi vokal 'e' ini digunakan untuk bertanya soalan. Penyair juga menggunakan huruf bunyi vokal ini sebagai kaedah menyoal untuk meluahkan perasaan yang wujud dalam hatinya melalui perkataan *entha* dan *enna*. Manakala beliau mengaplikasikan vokal 'i' dua kali dan vokal 'u' sekali dalam barisan tiga dan empat. Vokal 'i' biasanya digunakan untuk menunjukkan kemerduan sambil kelembutan dan juga vokal 'u' pula digunakan untuk meluahkan perasaan hati sambil menunjukkan sesiapa sebagai panduan. Ini membuktikan penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur gaya bahasa asonansi seperti apa yang ada dalam teori gaya bahasa Gorys Keraf.

c. Anastrof

Mengikut teori gaya bahasa Gorys Keraf, unsur gaya bahasa anastrof merupakan sejenis gaya retorik yang diperoleh dengan terbalik susunan kata perkataan yang biasa dalam satu ayat, rangkap atau barisan puisi, karangan ataupun dalam mana-mana karya. Dengan penerangan ini, dalam setiap puisi penyair Seeni Naina Mohamed juga boleh dapat unsur gaya bahasa ini dengan semata-mata. Pengkaji juga dapat menemui unsur gaya bahasa ini dalam setiap puisinya yang terpilih antara tahun 1960an hingga 1980an. Pengkaji memilih

Nooreluthi ennapayan? – 1969

Bahasa Tamil :	தன்னெழுத்தொன் றச்சாகித் தாளிகையில் வந்துவிட்டால் பொன்னெழுத்தென் றெண்ணிமிகப் பூக்கும் ஒருநெஞ்சம் முன்னெழுத்தை முத்தெழுத்தை முன்வைத்தே ஒப்பிடுங்கால் என்னெழுத்தாம் தன்னெழுத்தென் றெண்ணுகையில் நாணாதோ!
Transliterasi :	Tanneḷuttōṅ ṛaccākit tāḷikaiyil vantuvittāl ponneḷuttēṅ ṛeṇṇimikap pūkkum oruṇēcam munneḷuttai mutteḷuttai munvaittē oppiṭuṅkāḷ enneḷuttām tanneḷuttēṅ ṛeṇṇukaiyil nāṇātō!
Terjemahan :	Sebuah karya perlu dibentuk dengan tatabahasa dan cara sewajarnya untuk mengelak pandangan rendah.

puisi ini sebagai contoh walaupun penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur gaya bahasa ini dalam setiap puisinya. Puisi ini bermaksud penulis itu akan memalu apabila membaca karya ditulis olehnya yang tidak mengikut format atau cara yang ditentukan dalam tatabahasa Bahasa Tamil. Perbarisan puisi ini telah dibentuk cara pembalikan sama dengan definisi yang diberikan oleh teori gaya bahasa Gorys Keraf. Beliau menyatakan predikat dahulu manakala subjek menyatakan akhirnya. Dan juga beliau mengaplikasikan unsur gaya bahasa ini dengan menulis kata adjektif dahulu tanpa menyebut subjeknya. Walau bagaimanapun, maksud tersirat dan tersurat dan juga motif pembentukan puisi-puisinya tidak berubah atau tidak terjejas dekat mana-manapun. Ini membuktikan penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur gaya bahasa anastrof seperti apa yang ada dalam teori gaya bahasa Gorys Keraf.

Persoalan Kajian 3

Sejauhmanakah maksud tersirat dan tersurat dicerminkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed melalui mengapikasi gaya bahasa berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf?

a. Kathiraadchi Vaalga (1966)

Bahasa Tamil :	தவறாமல் தன்கடமை முடித்த பின்னர்த் தணலழகுச் சுடர்வேந்தன் தனிமை நெஞ்சில் எவர்பாலும் எழுகின்ற காதல் தோன்றி இனியென்ன மன்னாநீ வாவா' என்ன, அவைநீங்கித் தன்காதல் சோலை நோக்கி அடியெடுத்து வைக்கின்றான் மன்னன், ஆங்கே சிவந்தேங்கும் தன்கன்னம் காட்டிக் காதல் செஞ்சுடரை வரவேற்றாள் கடல்ம டந்தை!
Transliterasi :	Tavarāmal taṅkaṭamai muṭitta piṇṇart taṅalaḷakuc cuṭarvēntaṅ taṅimai neṇcil evarpālum eḷukiṅṛa kātal tōṅṛi 'iṇiyēṇṇa manṇānī vāvā' eṇṇa,

avainñkit taṅkātal cōlai nōkki
aṭiyetuttu vaikkirāṇ maṇṇaṅ, āṅkē
civantēnkum taṅkaṇṇam kāṭṭik kātal
ceñcutarai varavēṛṛāḷ katalma tantai!

Terjemahan : Matahari terbenam dengan pemikiran yang tenang setelah menunaikan tanggungjawab terhadap setiap insan yang terdapat di dunia ini.

Dalam puisi ini, penyair menerangkan tanggungjawab atau rutin harian setiap alam sekitar di dunia ini sebagai maksud tersurat. Beliau mempersonifikasikan matahari sebagai raja kepada negara ini dan juga digambarkan sebagai menunaikan tanggungjawab secara rutin. Raja matahari menerbit di langit pada awal pagi setelah bersua dengan laut dan bermula untuk menjalan rutin hariannya dengan sikap bertanggungjawab. Awan digambarkan sebagai menteri kepada raja matahari untuk menjelaskan tugas-tugas pada hari tersebut. Raja matahari juga mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat-rakyatnya iaitu alam sekitar lain. Misalnya, tumbuhan-tumbuhan sedang menghadapi kelayuan tanpa mendapat air, sungai menghadapi kekeringan, pokok-pokok semakin layu manakala pasir padang dideritakan dengan suhu panas yang tinggi. Raja mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh alam sekitar sambil memikirkan penyelesaian untuk mengendalikannya. Setelah berfikir panjang, menjumpai juga satu penyelesaian yang hebat iaitu mengarahkan menteri air untuk memberi hujan yang lebat bagi menyegarkan alam sekitar yang sedang menghadapi masalah kekurangan air. Raja matahari juga sangat gembira dan tenang hati selepas menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna. Ini merupakan maksud tersurat diajar oleh penyair Seeni Naina Mohamed dengan menggunakan gaya bahasa yang mewah.

Manakala maksud tersirat juga ada dicerminkan oleh penyair Seeni Naina Mohamed dalam puisi ini. Maksud tersirat yang dicerminkan dalam puisi ini adalah sikap bertanggungjawab yang perlu ada kepada setiap manusia sebagai salah seorang ahli di dunia ini. Penyair meneguhkan bahawa alam sekitar di dunia ini menjalankan tanggungjawabnya tanpa memberi apa-apa alasan. Manakala ada juga beberapa manusia masih mengamalkan sikap malas dan kecuai dalam kewajipan yang ditetapkan. Manusia zaman terkini merupakan manusia memberi kepentingan kepada wang dan aktiviti keseronokan. Mereka mengabaikan sikap tanggungjawab yang perlu mengamalkan sewajarnya kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Misalnya, melibatkan diri dalam gejala sosial, tidak menghormati sambil tidak peduli terhadap ahli keluarga, gagal menjadi teladan yang baik kepada masyarakat dan juga gagal berkhidmat kepada negara. Dengan itu, ada juga beberapa membazirkan masa dan harta ibubapa dengan malas dan tanpa ada sikap bertanggungjawab. Bagi menerangkan masalah semasa inilah, penyair membentuk puisi ini sebagai satu senario alam sekitar menjalankan kewajipan yang ditentukan dengan lancar dan tepat melalui mengaplikasikan banyak gaya bahasa. Maksud tersirat inilah pengkaji dapat menemui daripada puisi ini.

b. Koddethai adakuven! (1974)

Bahasa Tamil : விந்தைசேர் மனமே நீஎன்
விலக்கொண்ணா மனைவி யானாய்
வந்தநாள் முதல்நான் உன்னால்
வதைப்படும் கணவன் ஆனேன்
பந்தடிக்கின்றாய் என்னை;
படும்பாடு தாள வில்லை
எந்தநாள் என்சொல் ஏற்பாய்
என்னதான் விலையாய்க் கேட்பாய்.

Transliterasi : Vintaicēr maṇamē nīṅ
vilakkoṇṇā maṇaivi yāṇāy
vantanāḷ mutalnāṅ uṇṇāḷ
vataippaṭum kaṇavan āṇēṅ
pantaṭik kiṅṛāy eṇṇai;
paṭumpāṭu tāḷa villai
entanāḷ eṅcol ēṇpāy
eṇṇatāṅ vilaiyāyk kēṭpāy.

Terjemahan : Penyair menuduh pemikiran sendiri yang tidak mengikuti ajaran moral.

Dalam puisi ini, penyair menuduh pemikiran sendiri yang tidak mengikuti ajaran moral yang ditentukan dalam kitab kita. Penjelasan tentang pemikiran sendiri yang diberi oleh penyair Seeni Naina Mohamed dicerminkan sebagai maksud tersurat bagi puisi ini. Beliau mengatakan bahawa pemikiran negatifnya memberi banyak impak kepadanya. Ia membuat penyair menjadi hamba kepadanya, manakala pemikiran itu membuat penyair menghilangkan kesabaran malah membuat menutup mulutnya dengan menunjuk kemiskinan. Selepas itu, terpaksa penyair memakai sikap kemalasan sebagai baju dan juga asyik mengarahkan penyair menidur sebagai pemalas. Seterusnya, menekan penyair bercekap bohong sambil menghilangkan keseronokan daripada persekitarannya. Sehubungan itu, memaksa penyair mengadakan dalam hubungan larangan lalu menghapuskan perwatakan keistimewaannya. Sedemikian itu, pemikiran ini mengenakan sikap ketamakan dalam diri penyair dan membuat menggemar terhadap semua benda. Penerangan yang tersebut di atas merupakan maksud tersurat yang diluahkan melalui pengaplikasian gaya bahasa dalam puisi ini.

Dalam maksud tersurat ini, ada juga maksud tersirat disembunyikan. Iaitu adalah pengurusan pemikiran diri. Sebagai manusia yang matang, setiap orang perlu ada pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus pemikiran diri sendiri untuk menyelamatkan atau mengawalkan dirinya daripada perlakuan negatif seperti gejala sosial atau pertentangan daripada ajaran sewajarnya. Penyair menerangkan bahawa pemikiran seorang manusia perlu dikawal bagi menjadi seorang yang disiplin. Seterusnya, pemikiran manusia perlu stabil dalam mana-mana keadaan juga. Setelah itu, manusia perlu mengelakkan pemikiran yang mengandungi sikap kemalasan dan ketiduran lebih sehingga menghilangkan kerajinan. Seharusnya, pemikiran yang positif mengelakkan manusia tersangkut dalam benda-benda yang boleh memalukan sambil membuat persekitaran membenci dan menyebabkan berlaku selisih antaranya. Sedemikian itu, pemikiran ada kekuatan untuk membuat manusia melibatkan dalam gejala sosial. Oleh kerana itu, manusia perlu mengawal pemikiran dan juga perlu melatih ianya memikir tentang benda-benda yang elok dan juga positif. Kerana, pemikiran manusia ada kuasa istimewa untuk memajukan diri dan persekitarannya. Maka, manusia perlu menggunakannya dengan baik demi kebaikan diri dan orang lain. Ini merupakan maksud tersirat yang terdapat dalam puisi ini secara pernyataan melalui gaya bahasa mewah.

c. Atthirunaal endru varum? (1966)

Bahasa Tamil	:	மூத்த தமிழர்கள் முன்னோர் விழிபோலக் காத்த தமிழரிய காவியங்கள், பாவலர்கள் யாத்த தமிழினறு எல்லாப் பெருமைகளும் நீத்து நிலைகுலைந்து நிற்பதனை என்னவென்பேன்!
Transliterasi	:	Mūtta tamilēṅkaḷ muṇṇōr viḷipōlak kātta tamilāriya kāviyaṅkaḷ, pāvalarkaḷ yātta tamilinru ellāp perumaikaḷum nīttu nilaikulaṅintu nirpataṅai eṇṇavenpē!
Terjemahan	:	Generasi Tamil terkini gagal menjaga keistimewaan Bahasa Tamil

Dalam puisi ini, penyair menerangkan sifat-sifat Bahasa Tamil sambil menjelaskan keadaan sekarang dalam kalangan generasi Tamil di negara ini sebagai maksud tersurat. Beliau mengatakan keistimewaan dan kebanggaan Bahasa Tamil dijaga dan juga menambahbaikkan oleh moyang kita. Manakala keistimewaan dan kebanggaan tersebut tengah hilang dirinya tanpa ada sesiapa untuk mengayakannya. Seterusnya, moyang mengayakan Bahasa Tamil dengan mengadakan penubuhan *sanggam* dan menyebarkan pada taraf antarabangsa. Seharusnya, generasi Tamil zaman moden ini enggan dan malu untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda sendiri malah bergemar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Sedemikian itu, generasi Tamil sekarang berpura-pura sebagai berbakti kepada Bahasa ibunda tetapi mereka mengamalkan bahasa asing juga kepada ahli masyarakat yang sama. Sehubung itu, mengajar anak sendiri juga bercekap dalam Bahasa Inggeris mulai berusia awal. Selepas itu, generasi Tamil zaman sekarang ini mengenali sangat tokoh-tokoh negara asing seperti Bernatsha, Plato, Schopenhauer, Aristotle dan sebagainya manakala tidak kenali pula tokoh-tokoh Tamil yang ada kepujian di taraf antarabangsa. Selagi itu, generasi Tamil sekarang ini berpegang sangat di atas falsafah negara asing seperti tokoh-tokoh cina, tokoh-tokoh Kristian dan sebagainya malah melupa atau masih tidak mengenali pula tokoh-tokoh Tamil yang hebat seperti Thiruvalluvar. Ringkas kata, generasi Tamil sekarang memberi kepentingan kepada Bahasa Asing daripada Bahasa Tamil dari segi komunikasi, pembelajaran dan pengajaran dan sebagainya tanpa ada jasa budi terhadap bahasa ibunya. Ini merupakan maksud tersurat yang diluahkan melalui pengaplikasian gaya bahasa yang indah.

Manakala maksud tersirat pula penyair mencuba untuk menerangkan sikap-sikap yang perlu ada kepada setiap individu Tamil sewajarnya di dunia ini. Beliau mengatakan bahawa setiap individu Tamil memberi kepentingan kepada bahasa ibunda yang itu Bahasa Tamil sebagai menunaikan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan bahasa. Penyair ada memberi beberapa idea untuk mengayakan Bahasa Tamil pada taraf antarabangsa. Yang pertama adalah generasi Tamil zaman terkini perlu menghantar anak-anaknya ke sekolah Tamil untuk mengetahui asas Bahasa Tamil. Yang kedua adalah ibubapa perlu berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Tamil kepada anak-anaknya mulai berusia awal. Yang ketiga adalah ibubapa perlu mengulas keistimewaan Bahasa Tamil kepada anak-anaknya. Yang keempat adalah ibubapa perlu memperkenalkan tokoh-tokoh falsafah Tamil seperti *Thiruvalluvar*, *Bharathiyar*, *Poongundrenaar* sebaainya kepada anak-anaknya. Yang kelima adalah ibubapa perlu menceritakan sejarah Bahasa Tamil kepada anak-anaknya sebagai pengetahuan sejarah asal usulnya. Yang keenam adalah ibubapa perlu mengajar atau menceritakan ajaran-ajaran yang terdapat dalam falsafah Tamil seperti *Thirukural*, *Silapathigaram*, *Mahabharatham*, *Ramayanam* dan sebagainya untuk mengetahui kelebihan bahasa dan juga budaya. Yang ketujuh adalah ibubapa perlu menjelaskan kepentingan dan kelebihan yang terdapat dalam Bahasa Tamil kepada anak-anaknya bagi mengelakkan menjadi hamba kepada bahasa dan budaya asing. Yang terakhir adalah ibubapa perlu berusaha dengan meluangkan masa dengan anak-anaknya bagi demi

kebaikan generasi yang akan datang dan pengayaan bahasa. Ini merupakan maksud tersirat yang mencerminkan melalui gaya bahasa berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf dalam puisi ini.

Cadangan Dan Kajian Lanjutan

Kajian pencapaian gaya bahasa dalam puisi-puisi penyair Seeni Naina Mohamed antara tahun 1960an hingga 1980an dilaksanakan berpandukan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf. Puisi-puisi penyair Seeni Naina Mohamed yang diantara tahun 1960an hingga 1980an telah digunakan sebagai sumber utama dalam kajian gaya bahasa ini. Dengan menggunakan karya penulis ternama penyair Seeni Naina Mohamed, pengkaji berpeluang untuk melaksanakan kajian ke atas puisi-puisi yang jelas memperlihatkan realiti penyair-penyair India di Malaysia. Dengan memilih kumpulan puisi karya seorang penyair tersohor di Malaysia, pengkaji dapat memastikan pengaplikasian unsur gaya bahasa di antara penyair-penyair Malaysia daripada kumpulan puisi yang dikaji.

Pengkaji berharap bahawa Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf boleh diguna pakai dalam kajian-kajian ke atas karya-karya puisi Tamil Malaysia. Genre-genre sastera tradisional seperti puisi-puisi Tamil boleh dikaji mengikut aspek-aspek keperluan untuk mengetahui tahap pencapaian penyair-penyair yang menulis puisi tersebut. Dengan mengguna pakai Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf dalam kajian puisi, generasi pengkaji akan datang mampu meneliti pengaplikasian unsur gaya bahasa dengan lebih kritikal dan jelas.

Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf juga boleh diguna pakai untuk melaksanakan kajian perbandingan di antara tahap pencapaian dua kumpulan puisi yang berbeza. Dengan menggunakan puisi Tamil Malaysia dan puisi Tamil India, kajian boleh dilaksanakan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara pengaplikasian unsur gaya bahasa seperti dinyatakan dalam Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf. Pengkaji juga boleh membanding beza penggunaan unsur gaya bahasa yang main peranan dalam pengaplikasian unsur gaya bahasa dalam karya puisi tersebut.

Pengkaji juga berharap lebih banyak teori gaya bahasa akan digunakan untuk mengkaji karya-karya sastera Tamil tradisional. Dengan menggunakan teori gaya bahasa, kajian lanjutan boleh dijalankan untuk menganalisis unsur gaya bahasa yang muncul dalam karya-karya puisi tersebut. Teori gaya bahasa mampu memberi pembaca sudut pandangan yang berbeza dan menarik untuk mengkaji keindahan dan unsur gaya bahasa yang muncul dalam karya puisi sastera.

KESIMPULAN

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa penyair Seeni Naina Mohamed telah memastikan adanya unsur gaya bahasa yang sangat indah dalam karya puisi *Theenkoodu*. Unsur gaya bahasa yang diterapkan dalam karya puisi *Theenkoodu* didapati selari dengan teori gaya bahasa Gorys Keraf. Penyair Seeni Naina Mohamed dapat menampilkan unsur gaya bahasa yang boleh memberi keindahan untuk mencapai peringkat keperluan yang lebih tinggi.

Kajian ini menunjukkan bahawa setiap penulis akan bergerak menuju pengaplikasian unsur gaya bahasa yang lebih indah dan menarik selepas mereka mencapai peringkat tertinggi. Teori gaya bahasa Gorys Keraf sangat membantu dan mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian ini dengan teliti tanpa kesilapan. Melalui kajian ini pengkaji dapat mengetahui jenis-jenis unsur gaya bahasa dan kepentingan pengaplikasiannya dalam karya-karya penulisan.

Akhir sekali, kajian ini juga memberikan peluang kepada pengkaji untuk melibatkan unsur gaya bahasa dalam kajian karya sastera Tamil Malaysia. Kajian ini juga berpotensi untuk membantu lebih banyak kajian berorientasikan teori gaya bahasa dengan menggunakan karya sastera Tamil tradisional sebagai sumber primer. Kajian-kajian bercirikan teori gaya bahasa mampu gemilang dunia kesusasteraan Tamil Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Murasu Nedumarani. (2000). *Malaysia Tamil Kavithai Netru Intru Nalai*. : Kuala Lumpur : kavithai enterprise.
- Seeni Naina Mohamed. (2014). *Theenkoodu*. Pulau pinang : Ungalkural Enterprise.
- Thandayutham. R.A. (2000). *Muthalaavathu Malaysia Tamil Ilakkiya Maanaatu Malar, Malaysia ulaga Tamil Araichi Niruvanam*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Thilagai. M. (2000). *Puisi moden (free verse) Tamil Malaysia dalam tahun 80-an (Latihan Ilmiah)*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Puvaneswary Batumalai,
University Pendidikan Sultan Idris
Email: ammu180207@gmail.com

Manonmani Devi M.A.R Annamalai,
University Pendidikan Sultan Idris
Email: manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my